

Ketetapan Umum No. 8/2000

PELARIAN CUKAI DENGAN SENGAJA DAN KESALAHAN YANG BERKAITAN

1.0 UNDANG-UNDANG CUKAI

Ketetapan ini menjelaskan pemakaian seksyen 114 **Akta Cukai Pendapatan 1967** berhubung dengan pelarian cukai dengan sengaja dan kesalahan yang berkaitan dengannya. Ia berkuat kuasa mulai dari 1 Januari 2001.

2.0 PEMAKAIAN KETETAPAN INI

Ketetapan ini mempertimbangkan:

- 2.1 maksud pelarian cukai dengan sengaja atau niat melarikan atau membantu orang lain melarikan cukai di bawah seksyen 114(1) Akta Cukai Pendapatan 1967 [selepas ini disebutkan sebagai *Akta*];
- 2.2 jenis bantuan atau nasihat diberikan oleh seseorang dalam penyediaan penyata yang boleh disifatkan sebagai kesalahan di bawah seksyen 114 (1A) Akta; dan
- 2.3 akibat jika berlaku pelarian cukai dengan sengaja atau perbuatan dengan niat melarikan atau membantu orang lain melarikan cukai, dan akibat pemberian bantuan atau nasihat dalam penyediaan penyata yang mengakibatkan suatu kenyataan yang kurang benar tentang tanggungan bagi cukai

3.0 BAGAIMANA UNDANG-UNDANG CUKAI DIGUNAPAKAI

3.1 Am

Pada amnya, jika sesuatu kenyataan palsu, pencatatan palsu atau peninggalan pencatatan secara sengaja dilakukan dalam suatu penyata atau dalam mana-mana buku akaun atau rekod lain yang disimpan oleh seseorang atau disimpan bagi pihaknya, orang itu boleh dianggap sebagai telah melakukan kenyataan palsu atau pencatatan palsu atau peninggalan sengaja itu dengan niat melarikan cukai.

3.2 Pelarian cukai dengan sengaja

Pelarian cukai dengan sengaja bermaksud sebarang tindakan yang diambil atau perbuatan yang dilakukan secara sengaja dengan tujuan atau niat melarikan atau membantu mana-mana orang lain melarikan cukai, dan (tanpa seharusnya mengubah atau menggantikan maksud am kenyataan ini) termasuk tindakan atau perbuatan seperti berikut:

- 3.2.1 sengaja meninggalkan apa-apa pendapatan yang seharusnya dimasukkan dalam sesuatu penyata yang dibuat di bawah Akta;
- 3.2.2 membuat kenyataan palsu atau pencatatan palsu dalam sesuatu penyata;
- 3.2.3 memberi jawapan palsu (secara lisan atau bertulis) kepada soalan yang ditanya atau permintaan maklumat yang dibuat untuk tujuan Akta;
- 3.2.4 menyediakan atau menyelenggarakan atau memberi kuasa untuk penye- diaan atau penyelenggaraan buku-buku akaun atau rekod lain yang palsu;
- 3.2.5 memalsukan atau memberi kuasa untuk pemalsuan buku-buku akaun atau rekod lain; dan
- 3.2.6 menggunakan atau memberi kuasa untuk penggunaan apa-apa penipuan, muslihat atau helah.

3.3 Bantuan dalam, atau nasihat berkenaan dengan, penyediaan penyata

Kegagalan untuk memberi kemudahan atau bantuan yang munasabah atau kedua-duanya kepada Ketua Pengarah atau pegawai yang diberi kuasa dalam melaksanakan tugasnya adalah merupakan kesalahan di bawah Akta. Jika disabitkan kesalahan, pesalah boleh dikenakan denda sebanyak RM1,000 hingga RM10,000 atau di penjara untuk jangka masa sehingga setahun, atau kedua-duanya sekali.

- 3.3.1 Jika seseorang membantu dalam, atau menasihatkan berkenaan dengan, penyediaan mana-mana penyata dan bantuan atau nasihat itu meng- akibatkan suatu kenyataan yang kurang benar tentang tanggungan bagi cukai orang yang lain, orang yang memberikan bantuan atau nasihat itu boleh dipertimbangkan untuk didakwa jika dapat ditafsirkan bahawa beliau telah bertindak dengan niat tidak jujur membantu orang lain itu melarikan cukai.
- 3.3.2 Niat tidak jujur tidak akan dianggapkan jika ia boleh menunjukkan bahawa bantuan atau nasihat itu telah diberikan dengan perhatian yang munasabah, berdasarkan interpretasi undang-undang yang dinyatakan dalam Akta atau dalam keputusan mana-mana kes cukai atau ketetapan, dan interpretasi itu adalah sesuatu yang boleh dicapai oleh seorang yang mempunyai pengetahuan dan pengalaman setaraf dengannya. Beliau hendaklah bertindak dengan niat ikhlas, berasaskan semua maklumat yang ada selepas membuat segala

pertanyaan yang sepatutnya.

3.4 Pemeriksaan tuntutan tertentu bagi potongan, elaun, pelepasan atau rebat

3.4.1 Seseorang yang membantu atau menasihati dalam penyediaan penyata patut memeriksa tuntutan tertentu bagi potongan, elaun, pelepasan atau rebat yang dibuat dalam penyata itu [*rujuk perenggan 4.7*]. Jika difikirkan perlu atau hemat, beliau patut meneliti (atau, jika belum disediakan, mendapatkan dan meneliti) analisis bertulis atau penyata terperinci berkaitan dengan butiran dalam akaun di mana berkemungkinan terdapat perbelanjaan / wang keluar yang tidak dibenarkan (atau hanya dibenarkan sebahagian), terutamanya perbelanjaan / wang keluar yang dikumpulkan atau dikategorikan secara kelompok (seperti hutang lapuk atau hutang ragu, perbelanjaan am / pelbagai / runcit, perbelanjaan pengurusan, yuran guaman atau profesional, pembaikan, dan sebagainya). Orang yang membuat penyata (atau bagi pihak siapa penyata itu disediakan) hendaklah menyediakan, memperakui atau mengesahkan secara bertulis segala dokumen, analisis, penyata atau maklumat berkenaan yang mungkin ada kesan terhadap tanggungan cukainya, sama ada dokumen, analisis, penyata atau maklumat itu diminta atau tidak.

3.4.2 Kegagalan meminta atau kegagalan mengadakan dokumen, analisis, penyata atau maklumat berkenaan seperti yang tersebut dalam perenggan 3.4.1 di atas, atau kegagalan mendedahkan atau menarik perhatian yang sewajarnya kepada perkara yang ada kesan terhadap tanggungan cukai akan dipandang dengan sangkaan yang buruk.

3.5 Pendirian berbeza

Di mana orang yang membuat penyata atau orang yang membantu dalam, atau menasihati berkenaan dengan, penyediaan penyata itu mengambil suatu pendirian berkaitan dengan mana-mana peruntukan Akta:

3.5.1 yang tidak menurut mana-mana keperluan, arahan, penentuan atau keputusan dalam mana-mana garis panduan, ketetapan atau kenyataan yang diterbitkan, atau mana-mana borang statutori atau ditetapkan yang dikeluarkan oleh atau dikemukakan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri [*LHDN*]; dan / atau

3.5.2 yang merupakan penyimpangan dari amalan atau layanan yang biasa dilakukan olehnya;

dan beliau boleh menunjukkan bahawa terdapat asas yang mencukupi dan munasabah untuk mengambil pendirian itu, beliau hendaklah membuat kenyataan bertulis mengenai pendirian tersebut dan asas untuknya, serta bagaimana ia memberi kesan terhadap tanggungan cukai orang berkenaan.

3.6 Contoh keadaan atau situasi

Untuk memberi gambaran yang lebih jelas, contoh berikut menunjukkan keadaan atau situasi di mana seseorang boleh dipertimbangkan untuk didakwa kerana melarikan cukai dengan sengaja atau membantu orang lain melarikan cukai atau membantu dalam, atau menasihatkan berkenaan dengan, penyediaan penyata yang mengakibatkan suatu kenyataan yang kurang benar tentang tanggungan bagi cukai orang yang lain. [*Contoh ini adalah tidak menyeluruh dan tajuk di bawah setiap contoh bertujuan untuk memberi gambaran sahaja dan tidak patut dianggap sebagai klasifikasi jenis kesalahan.*]

Contoh 1

Meninggalkan pendapatan yang harus dimasukkan

Encik A mengemukakan penyata yang dilengkapi sendiri bagi tahun taksiran [T/T] 2001. Beliau melaporkan pendapatan dari perniagaan restoran sahaja. Semasa audit cukai, didapati bahawa beliau tidak melaporkan pendapatannya daripada perniagaan menjual barangan hadiah dan cenderamata diimport yang telah dijalankan semenjak 5 tahun lalu.

Encik. A boleh dipertimbangkan untuk didakwa atas pelarian cukai dengan sengaja [seksyen 114(1)] kerana meninggalkan pendapatannya daripada perniagaan menjual barangan hadiah dan cenderamata diimport dalam penyataannya bagi T/T 2001 dan T/T sebelum yang berkenaan .

Contoh 2

Menyediakan / menyelenggarakan buku akaun atau rekod lain yang palsu

Encik B adalah seorang akauntan yang bekerja dengan XYZ Sdn. Bhd.. Beliau mengetahui bahagian akaun dan juga menyediakan penyata bagi pihak syarikat. Bagi sesuatu T/T, atas arahan Encik C, seorang pengarah syarikat itu, beliau mengklasifikasikan semula beberapa perbelanjaan keraian syarikat (yang tidak dibenarkan untuk tujuan cukai pendapatan) sebagai belian barang dan perkhidmatan. Dengan demikian, beliau dapat mengurangkan tanggungan cukai syarikat sebanyak lebih daripada RM5,000. Ini diketahui semasa audit cukai.

Syarikat itu boleh dipertimbangkan untuk didakwa kerana pelarian cukai dengan sengaja [seksyen 114(1)] atau membuat penyata yang tidak betul [seksyen 113].

Encik C (pengarah) boleh dipertimbangkan untuk didakwa kerana membantu orang lain melarikan cukai dengan memberikan kuasa untuk penyediaan atau penyelenggaraan buku-buku akaun atau rekod lain yang palsu [seksyen 114(1)] size=4>.

Encik B (akauntan) boleh dipertimbangkan untuk didakwa kerana membantu orang lain (iaitu, syarikat) melarikan cukai dengan menyediakan atau menyelenggarakan buku akaun atau rekod lain yang palsu [seksyen 114(1)].

Contoh 3

Penyata akaun disediakan berdasarkan anggaran atau rekaan

Seorang peniaga Encik C, yang tidak menyimpan buku akaun dan rekod yang mencukupi, menggunakan khidmat seorang juru akaun untuk menyediakan penyata akaun dan melengkapkan penyata cukai pendapatannya. Kedua-duanya ditandatangani dan dikemukakan oleh Encik C. Kegagalan Encik C menyimpan rekod yang mencukupi dikesan semasa audit cukai dan didapati kebanyakan angka dalam penyata akaun adalah anggaran atau rekaan yang tidak disokong oleh sebarang dokumen atau rekod.

Encik C boleh dipertimbangkan untuk didakwa kerana membuat kenyataan palsu dan pencatatan palsu dalam penyatanya [seksyen 114(1)] dan juga kegagalan menyimpan rekod yang mencukupi [seksyen 82] [rujuk Ketetapan Umum No. 5/2000].

Juru akaun boleh dipertimbangkan untuk didakwa kerana membantu dalam penyediaan penyata Encik C yang mengakibatkan kenyataan kurang benar tentang tanggungan bagi cukai [seksyen 114(1A)].

Untuk mengelakkan sangkaan niat tidak jujur, juru akaun patut membuat kenyataan dalam penyata akaun bahawa ianya telah disediakan berdasarkan rekod yang tidak lengkap dan angka dalamnya yang tidak disokong oleh dokumen atau rekod adalah berdasarkan anggaran munasabah yang berjustifikasi atau boleh dipertahankan olehnya atau Encik C; dan, di mana yang sesuai, menunjukkan asas untuk anggaran itu. Encik C pula patut membuat kenyataan yang serupa dalam pengiraan cukainya. Kegagalan oleh mana-mana pihak membuat kenyataan tersebut boleh disifatkan sebagai niat tidak jujur .

Contoh 4

Tuntutan yang tidak disokong oleh dokumen

Sebuah syarikat menggunakan khidmat agen cukai untuk menyediakan pengiraan cukainya. Dalam penyata terperinci bagi "Perbelanjaan Runcit" berjumlah RM80,000 yang disediakan oleh syarikat, derma sebanyak RM10,000 jelas ditunjuk. Agen cukai dengan serta-merta meminta secara bertulis agar resit derma itu dikemukakan, dan menasihatkan syarikat bahawa hanya derma kepada badan yang diluluskan di bawah seksyen 44(6) berkelayakan untuk diberikan potongan. Syarikat mengesahkan dalam surat jawapannya bahawa ia telah menyumbangkan derma kepada badan yang diluluskan dan sedang dalam proses memperolehi resit baginya. Berdasarkan pengesahan oleh syarikat, agen cukai membuat pelarasan yang sesuai untuk derma itu dalam pengiraan cukai tanpa melihat resit itu kerana sudah menghampiri tarikh yang ditetapkan untuk pengemukaan penyata. Semasa audit cukai, didapati kenyataan yang kurang benar tentang tanggungan bagi cukai syarikat disebabkan derma sebenarnya dibuat kepada badan yang tidak diluluskan. Syarikat telah terlupa memaklumkan agen cukai tentang perkara ini.

Syarikat itu boleh dipertimbangkan untuk didakwa kerana membuat tuntutan palsu dalam penyatanya [seksyen 114(1)] atau kerana membuat penyata yang tidak betul [seksyen 113].

Tiada tindakan patut diambil terhadap agen cukai. Beliau telah menunjukkan

perhatian yang munasabah dalam menjalankan tugasnya dengan meminta resit dan memberikan nasihat yang sesuai kepada syarikat. Kenyataan kurang benar timbul kerana beliau mempercayai, dengan niat ikhlas, pengesahan bertulis yang diberikan oleh syarikat.

Contoh 5

Tuntutan untuk potongan atau insentif yang tidak disokong oleh dokumen

Sebuah syarikat menggunakan khidmat agen cukai untuk menyediakan penyata cukai pendapatannya bagi sesuatu T/T. Seorang pengarah syarikat mengemukakan penyata (disahkan olehnya) yang menyatakan butiran tentang perbelanjaan penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang telah dilakukan oleh syarikat dan mengarahkan agen cukai agar membuat tuntutan untuk potongan dua kali bagi perbelanjaan R&D itu. Agen cukai menasihatkan pengarah syarikat itu tentang keperluan dan syarat untuk tuntutan yang sah di bawah seksyen 34A Akta. Beliau berpuas hati dengan pengesahan pengarah syarikat bahawa syarikat berkelayakan membuat tuntutan potongan dua kali itu dan mengemukakan tuntutan itu. Borang tuntutan yang ditetapkan dilengkapkan dan ditandatangani oleh pengarah syarikat itu. Semasa audit cukai, didapati tiada dokumen yang mencukupi untuk menyokong tuntutan itu. Adalah didapati bahawa angka yang digunakan sebagai asas tuntutan telah dianggarkan dan beberapa perbelanjaan yang dimasukkan sebenarnya tiada kaitan dengan projek penyelidikan.

Syarikat itu boleh dipertimbangkan untuk didakwa kerana membuat tuntutan yang palsu [seksyen 114(1)] atau kerana membuat penyata yang tidak betul [seksyen 113].

Pengarah syarikat boleh dipertimbangkan untuk didakwa kerana membantu dalam penyediaan penyata yang mengakibatkan kenyataan yang kurang benar tentang tanggungan bagi cukai [seksyen 114(1A)].

Tiada tindakan patut diambil terhadap agen cukai. Beliau telah bertindak dengan niat ikhlas dan kenyataan kurang benar timbul dari nyataan palsu oleh pengarah syarikat.

Contoh 6

Kegagalan membuat pendedahan oleh orang bagi siapa penyata disediakan

Agen cukai melengkapi penyata bagi pihak seorang individu, yang mengesahkan secara lisan bahawa isterinya tiada apa-apa pendapatan. Setelah borang ditandatangani oleh individu itu, ianya dikemukakan oleh agen cukai bagi pihaknya. Sewa sebanyak RM12,000 yang diterima oleh isteri individu itu telah tidak dilaporkan dalam penyata kerana tidak didedahkan kepada agen cukai.

Individu itu atau isterinya boleh dipertimbangkan untuk didakwa atas pelarian cukai dengan sengaja kerana meninggalkan pendapatan dalam penyata [seksyen 114(1)].

Tiada tindakan patut diambil terhadap agen cukai kerana tiada sangkaan niat tidak jujur.

Contoh 7

Kesilapan atau ketidakbetulan dalam penyata

Khidmat firma perunding cukai digunakan untuk menyediakan penyata bagi pihak sebuah syarikat. Pengiraan cukai yang menunjukkan tanggungan cukai sebanyak RM144,144 dan penyata yang dilengkapi diserahkan kepada syarikat untuk semakan dan kelulusan. Penyata kemudiannya dikemukakan ke LHDN oleh firma bagi pihak syarikat. Dalam penyata, tanggungan cukai tersilap dinyatakan sebagai RM141,414. Namun demikian, penyelesaian cukai yang dibuat oleh syarikat adalah berdasarkan angka yang betul; cek bernilai RM24,144 (RM144,144 tolak RM120,000 yang sudah dibayar melalui ansuran) dikemukakan bersama-sama dengan penyata. Kenyataan kurang benar itu tidak dikesan sehingga audit cukai dijalankan 2 tahun kemudian.

Oleh kerana tanggungan cukai yang benar dijelaskan walaupun ada kesilapan dalam penyata, tidak timbul sebarang sangkaan niat tidak jujur. Tiada tindakan patut diambil terhadap syarikat atau firma.

Kedua-dua pihak syarikat dan firma patutlah berhati-hati menyemak dan memastikan penyata dilengkapi dengan betul.

Jika penyelesaian tanggungan cukai telah dibuat berdasarkan angka yang salah, tindakan boleh dipertimbangkan terhadap syarikat di bawah seksyen 113 kerana membuat penyata yang tidak betul.

Jika terdapat bukti bahawa kenyataan kurang benar itu telah dibuat dengan niat tidak jujur (contohnya, jika sebelum atau selepas kejadian ini berlaku juga kesilapan yang serupa dalam kes sama dan / atau kejadian yang serupa berlaku secara berkerap-kali dalam beberapa kes lain dikendalikan oleh firma), maka tindakan boleh dipertimbangkan terhadap firma di bawah seksyen 114(1A).

3.7 Akibat jika berlaku pelarian cukai dengan sengaja atau perbuatan dengan niat melarikan atau membantu mana-mana orang lain melarikan cukai

Seseorang yang melakukan sebarang tindakan atau perbuatan secara sengaja dengan tujuan atau niat melarikan atau membantu mana-mana orang lain melarikan cukai boleh didakwa dan, jika disabitkan kesalahan, pesalah boleh dikenakan denda sebanyak RM1,000 hingga RM20,000 atau dipenjarakan untuk jangka masa sehingga 3 tahun atau kedua-dua sekali, dan suatu penalti khas sebanyak 3 kali amaun cukai yang kurang dikenakan akibat kesalahan itu atau akan kurang dikenakan jika kesalahan itu tidak dikesan.

3.8 Akibat jika membantu dalam, atau menasihatkan berkenaan dengan, penyediaan penyata dan bantuan atau nasihat itu mengakibatkan suatu kenyataan yang kurang benar tentang tanggungan bagi cukai orang yang lain

Seseorang yang membantu dalam, atau menasihatkan berkenaan dengan, penyediaan mana-mana penyata dan bantuan atau nasihat itu mengakibatkan suatu kenyataan yang kurang benar tentang tanggungan bagi cukai seorang yang lain boleh didakwa dan, kecuali beliau dapat memuaskan mahkamah

bahawa bantuan atau nasihat itu telah diberikan dengan perhatian yang munasabah, boleh dikenakan denda sebanyak RM2,000 hingga RM20,000 atau dipenjarakan untuk jangka masa sehingga 3 tahun atau kedua-dua sekali

4.0 INTERPRETASI

Bagi maksud ketetapan ini:

- 4.1 "Kenyataan yang kurang benar tentang tanggungan bagi cukai" bermakna tanggungan cukai yang dinyatakan dalam penyata yang berkurangan dari amaun yang betul di sisi undang-undang. Ia bermaksud sesuatu yang dilakukan dengan niat tidak jujur. Kenyataan kurang benar biasanya melibatkan salah satu atau lebih dari perbuatan berikut: melaporkan amaun pendapatan kurang dari yang sebenar; menuntut perbelanjaan lebih dari yang sebenar; peninggalan punca pendapatan yang harus dilaporkan; atau gagal membuat pelarasan bagi sesuatu perbelanjaan yang tidak dibenarkan (kesemuanya atau sebahagian) untuk tujuan Akta.
- 4.2 "Orang" termasuk syarikat, koperasi, perkongsian, kelab, persatuan, keluarga sekutu Hindu, pemegang amanah, pentadbir harta pusaka dan individu.
- 4.3 "Pengiraan cukai" bermakna segala helaian kerja, kenyataan, jadual, perhitungan dan dokumen sokongan berasaskan mana sesuatu penyata disediakan, yang perlu dikemukakan bersama-sama dengan penyata atau diselenggarakan oleh orang yang membuat penyata itu.
- 4.4 "Penipuan, muslihat atau helah" termasuk sebarang persembunyian, perdayaan, perbuatan berbohong, pemalsuan atau nyataan salah yang dilakukan secara sengaja untuk menipu atau untuk mendatangkan suatu kebaikan atau kelebihan secara tidak sah di sisi undang-undang.
- 4.5 "Perhatian yang munasabah" bermakna tahap perhatian dan hemat diberikan kepada sesuatu tugas yang boleh diharapkan dalam keadaan yang sama daripada seorang yang bertindak dengan waras, timbang rasa dan tanggungjawab setelah mempertimbangkan keadaan dan akibat yang boleh dijangkakan.
- 4.6 "Penyata" bermakna sebarang penyata (*return*) yang dibuat untuk tujuan Akta.
- 4.7 "Pemeriksaan tuntutan tertentu bagi potongan, elaun, pelepasan atau rebat" [*rujuk perenggan 3.4.1 di atas*]
 - 4.7.1 Bagi orang yang membantu dalam, atau menasihatkan berkenaan dengan, penyediaan sesuatu penyata, "memeriksa" bermaksud memuaskan diri bahawa sesuatu tuntutan adalah wajar dan sah berdasarkan dokumen, analisis, kenyataan atau maklumat lain yang diperakui atau disahkan dan dikemukakan oleh orang bagi siapa penyata itu disediakan atau oleh orang lain bagi pihaknya; dan

4.7.2 "Tuntutan tertentu bagi potongan, elaun, pelepasan atau rebat" merujuk kepada tuntutan yang perlu disokong oleh dokumen seperti borang yang ditetapkan, sijil atau resit.

(Tarikh Keluaran: 30 Disember 2000)